Nota Terbitan

openSUSE Leap ialah sistem operasi berasaskan Linux dan percuma untuk PC anda, laptop atau server. Anda boleh melayari Web, menguruskan email, foto, melakukan kerja pejabat, bermain video atau muzik dan menikmati pelbagai keseronokan!

Publication Date: 2019-06-27 , Version: 42.3.20190626

Contents

1 Pemasangan 2

2 Naik Taraf Sistem 4

3 Umum 11

4 Maklumat tambahan dan maklum balas 13

Penghujung tempoh penyelenggaraan untuk openSUSE Leap 42.3 telah dicapai. Untuk memastikan sistem anda dikemaskini dan mantap, sila naik taraf ke versi openSUSE terkini. Sebelum memulakan naik taraf, pastikan penyelenggaraan kemaskini untuk openSUSE Leap 42.3 telah dilakukan.

Untuk maklumat lain berkaitan naik taraf ke openSUSE versi sekarang, sila lihat http://en.opensuse.org/SDB:Distribution-Upgrade.

Sekiranya anda menaik taraf dari versi terdahulu ke openSUSE Leap, lihat nota terbitan terdahulu seperti yang disenaraikan di sini: http://en.opensuse.org/openSUSE:Release_Notes.

Maklumat berkenaan projek ini boleh didapati di https://www.opensuse.org.

1 Pemasangan

Bahagian ini mengandungi nota berkaitan pemasangan. Arahan naik taraf terperinci, sila lihat dokumentasi di https://doc.opensuse.org/documentation/leap/startup/html/book.opensuse.startup/part.basics.html.

1.1 Pemasangan Sistem Minimal

Untuk mengelakkan sebahagian pakej besar yang disarankan terpasang, corak pemasangan minimal menggunakan corak lain yang bermasalah dengan pakej yang tidak diingini. Corak ini, `patterns-openSUSE-minimal_base-conflicts`, boleh dibuang selepas pemasangan.

Ambil perhatian bahawa pemasangan minimal adalah tanpa firewall. Sekiranya anda memerlukannya, sila pasang `SuSEfirewall2`.

1.2 UEFI — Unified Extensible Firmware Interface

Pemasangan openSUSE dalam sistem yang boot menggunakan UEFI (Unified Extensible Firmware Interface), anda dinasihatkan supaya memeriksa terlebih dahulu kemaskini firmware dari pembekal peralatan, sekiranya ada, kemaskini berkaitan perlu dipasang. Kewujudan Windows 8 adalah penanda bahawa sistem anda boot dengan menggunakan UEFI.

Latar belakang: Terdapat UEFI firmware yang mempunyai pepijat boleh mengakibatkan kerosakan banyak data yang ditulis atas storan UEFI. Walaubagaimanapun, tiada data yang tepat berapa banyak “yang dikatakan banyak”.

openSUSE mengurangkan risiko dengan tidak menulis lebih dari minima yang sepatutnya untuk boot OS. Minima bermaksud arahan kepada UEFI firmware tentang lokasi openSUSE boot loader. Ciri-ciri Linux kernel bahawa penggunaan UEFI untuk menyimpan boot dan maklumat ralat (`pstore`) telah dilumpuhkan secara asal.

1.3 Partition UEFI, GPT dan MS-DOS

Berserta dengan spesifikasi EFI/UEFI, cara baharu partition digunakan: GPT (Guid Partition Table). Skim baharu ini secara keseluruhan menggunakan pengenalan yang tersendiri (nilai 128-bit dipaparkan dalam digit 32 hexadecimal) untuk mengenal pasti alatan storan dan jenis-jenis partition.

Tambahan lagi, spesifikasi UEFI juga membenarkan partition legasi MBR (MS-DOS). Boot loader Linux (ELILO atau GRUB 2) cuba untuk menghasilkan GUID secara automatik dalam partition legasi, dan menulis kepada firmware. GUID boleh bertukar secara kerap, mengakibatkan penulisan semula kepada firmware. Penulisan semula mengandungi dua operasi yang berbeza: Membuang entri lama dan menghasilkan satu entri baru menggantikan yang pertama.

Firmware yang moden mempunyai sisa yang mengumpul entri-entri yang telah dipadam dan melapangkan memori yang telah disediakan untuk entri-entri yang lama. Masalah akan timbul apabila firmware yang bermasalah tidak mengumpul dan melapangkan entri-entri tersebut. Ini mengakibatkan kepada sistem yang gagal diboot.

Untuk penyelesaian, tukarkan partition legasi MBR ke GPT.

1.4 Naiktaraf Stack Kernel Grafik

On openSUSE Leap 42.3, the upgrade of the graphics stack up to 4.9.x kernel code is provided via the package `drm-kmp-default` instead of backporting many patches into the kernel itself. Usually, this package is installed automatically during the OS installation when a corresponding graphics device is found on your machine.

The KMP gives users also another benefit: You can roll back to the 4.4.x kernel code by uninstalling this package. If you face critical issues, like a hung GPU, try to uninstall the package as shown below, then reboot and retest:

```
zypper rm drm-kmp-default
```

1.5 Penukaran Untuk Pengguna Cara Memasang Driver Nvidia Secara Manual

Dengan openSUSE Leap 42.3, anda perlu nyahpasang pakej `drm-kmp-default` terlebih dahulu, sebelum anda memasang driver Nvidia secara manual menggunakan `.run` skrip shell:

```
zypper rm drm-kmp-default
```

Sekiranya anda memasang RPM disediakan oleh Nvidia, anda tidak akan terkesan dengan isu ini, kerana pakej `drm-kmp-default` digantikan semasa pemsanagn driver secara automatik.

Sekiranya anda bercadang untuk nyahpasang driver Nvidia kemudian, pastikan untuk memasang semula pakej `drm-kmp-default`.

Untuk maklumat lanjut, lihat https://bugzilla.suse.com/show_bug.cgi?id=1044816.

2 Naik Taraf Sistem

Bahagian ini menyenaraikan nota berkaitan tentang menaik taraf sistem. Untuk arahan naik taraf terperinci, lihat dokumentasi di https://doc.opensuse.org/documentation/leap/start-up/html/book.opensuse.startup/cha.update.osuse.html.

Additionally, check *Section 3.1, "Deprecated Packages"*.

2.1 Naik Taraf dari openSUSE Leap 42.2

2.1.1 Pakej Yang Telah Dibuang dan Digantikan

Pakej-pakej berikut telah dibuang dan digantikan dibandingkan dengan openSUSE Leap 42.2:

- `ldapjdk`: Gagal dibina untuk 42.3.
- `libatlas3`: Fails to build on 42.3.
- `castor`: Gagal untuk dibina untuk 42.3.
- `fontinfo`: Tidak pernah berhasrat untuk diterbitkan sebagai pakej yang stabil.
- `plasma5-mediacenter`: Digugurkan oleh pemaju setelah versi 5.7.3.
- `perl-Mojolicious-Plugin-Bootstrap3`: Dilupuskan oleh pemaju, fungsi digantikan oleh `perl-Mojolicious-Plugin-AssetPack`.

- `qtsharp`: Gagal dibina untuk 42.3.
- `rubygem-mysql`: Digantikan oleh rubygem-mysql2.

2.1.2 Driver Synaptics Touchpad dengan KDE Plasma

Dalam openSUSE Leap 42.2, driver X11 synaptics (pakej `xf86-input-synaptics`) telah tidak dipasang secara sedia (lihat *Section 2.2.4, "Driver Synaptics X boleh mengurangkan keberkesanan Touchpad bawah GNOME"*). Walaubagaimanapun, KDE Plasma hanya menawarkan tawaran terhad pilihan konfigurasi untuk pengganti, iaitu libinput.

Semenjak dari openSUSE Leap 42.3, `xf86-input-synaptics` pakej dipasang berserta dengan desktop KDE Plasma (dicadangkan oleh `plasma5-workspace`).

2.1.3 Perubahan dalam Desktop KDE Search Indexing

Dalam openSUSE Leap 42.3, pencarian desktop hanya penunjuk nama-nama fail secara tersedia, bukan isi kandungan fail.

Kandungan penunjuk fail perlu didayakan secara manual, walaupun telah didayakan sebelumnya, memandangkan konfigurasi tersedia yang sebelum tidak disimpan kekal. Untuk berbuat begitu, ikut langkah-langkah tersebut:

1. Menggunakan menu utama atau krunner, lancarkan *Konfigurasi Desktop*.
2. Klik *Search*.
3. Aktifkan check box *juga penunjuk kandungan fail*.
4. Klik *Apply*.

2.1.4 Shorewall telah dinaik taraf ke versi 5.1

Dalam openSUSE Leap 42.3, Shorewall telah dinaik taraf ke 5.1 stabil terkini. Semasa naik taraf, `shorewall` dan `shorewall6` akan memberi amaran kepada admin bahawa naik taraf konfigurasi diperlukan dijalankan.

Dokumentasi boleh didapati di http://shorewall.net/.

PROCEDURE 1: NAIK TARAF SHOREWALL

1. Dengan root dalam sesi konsole, jalankan:

```
root #shorewall update -a /etc/shorewall
```

2. Selaraskan konfigurasi anda dengan syntax yang baharu dalam perkara dimana aturan tidak berjalan. Ini biasanya hanya diperlukan secara spesifik, konfigurasi yang sangat kompleks.

3. Pastikan dan semak hasil konfigurasi dengan:

```
root #shorewall try /etc/shorewall
```

Sekiranya semua berjalan lancar, reboot komputer anda dan mulakan servis dengan:

```
root #systemctl restart shorewall.service
```

Note: Naik taraf **shorewall6**

Proses naik taraf untuk **shorewall6** sepadan dengan proses untuk **shorewall** yang diterangkan dalam *Procedure 1, "Naik taraf Shorewall"*. Namun begitu, anda perlu menukarkan segala keperluan `shorewall` dengan `shorewall6`.

2.1.5 Pakej versi GCC 6 Menyamai Pakej Yang Disertakan Dengan SLE 12 SP3

openSUSE Leap 42.2 telah dikeluarkan secara tidak sengaja dengan versi terbaharu GCC 6 dari apa yang telah dikeluarkan oleh SUSE Linux Enterprise semasa itu. Ini telah diperbetulkan dalam openSUSE Leap 42.3 versi yang sama digunapakai GCC 6 sepertimana SUSE Linux Enterprise 12 SP3.

Walaubagaimana pun, sekiranya GCC 6 dipasang, ini akan akan mengakibatkan pakej diturunkan semasa sistem operasi dinaiktaraf.

2.2 Naik taraf dari openSUSE Leap 42.1

2.2.1 Pakej Yang Telah Dibuang dan Digantikan

Pakej-pakej berikut telah dipadamkan atau digantikan dibandingkan dengan openSUSE Leap 42.1:

- `arista`: Digantikan oleh `transmageddon`.
- `cadabra`: Sumber kod tidak lagi dibina. Penggantinya, Cadabra 2 (http://cadabra.science/) masih belum stabil lagi.
- `dropbear`: Digugurkan kerana tiada kelebihan yang berkaitan berbanding `openssh`.
- `emerillon`: Digantikan oleh `gnome-maps`.
- `gnome-system-log`: Digantikan oleh `gnome-logs`.
- `hawk`: Digantikan oleh `hawk2`.
- `ksnapshot`: Digantikan oleh `spectacle`.
- `labplot`: Labplot telah digantikan oleh versi Qt5, dipanggil `labplot-kf5`. Sekiranya anda menaik taraf dari openSUSE Leap 42.1 pemasangan yang mana `labplot` telah dipasang, anda akan mendapat `labplot-kf5` secara automatik.
- `nodejs`: Ditukar nama ke `nodejs4`.
- `psi`: Digantikan oleh `psi+`.
- `python-moin`: Digantikan oleh `moinmoin-wiki`. Hanya ubah nama, bukan versi naik taraf - pengantian seakan rupa.
- `ungifsicle`: Digantikan oleh `gifsicle`.
- `xchat`: Digantikan oleh `hexchat`.

2.2.2 `/var/cache` dalam Own Subvolume untuk Snapshots dan Rollback

`/var/cache` mengandungi banyak data yang rapuh, seperti Zypper cache dengan pakej RPM dalam versi yang berlainan setiap kali kemas kini dilakukan. Hasil dari penyimpanan data yang kebanyakannya sangat rapuh, jumlah penggunaan ruang yang digunakan adalah amat pantas.

Sebagai penyelesaian, pindah `/var/cache` kepada subvolume yang berasingan. Pemasangan baharu openSUSE Leap 42.3, ianya dilakukan secara automatik. Untuk penukaran sistem fail root sedia ada, lakukan langkah-langkah berikut:

1. Cari nama pemacu (sebagai contoh, `/dev/sda2` atau `/dev/sda3`) dalam sistem fail root:

   ```
   df /
   ```

2. Kenal pasti subvolume induk dari subvolume yang lain. Untuk pemasangan openSUSE 13.2, subvolume dinamakan `@`. Untuk semak sekiranya anda mempunyai `@` subvolume, gunakan:

   ```
   btrfs subvolume list / | grep '@'
   ```

   Sekiranya hasil dari arahan adalah kosong, anda tidak mempunyai subvolume bernama `@`. Sekiranya begitu, anda boleh meneruskan dengan subvolume ID 5 yang digunakan oleh versi openSUSE yang terdahulu.

3. Sekarang dirikan subvolume yang diperlukan.

   - Sekiranya anda mempunyai `@` subvolume, dirikan subvolume tersebut ke tempat yang sementara:

     ```
     mount <root_device> -o subvol=@ /mnt
     ```

   - Sekiranya anda tidak mempunyai `@` subvolume, dirikan subvolume ID 5:

     ```
     mount <root_device> -o subvolid=5 /mnt
     ```

4. `/mnt/var/cache` berkemungkinan telah sedia wujud dan boleh jadi dalam direktori yang sama sebagai `/var/cache`. Untuk mengelakkan kehilangan data, pindahkan:

   ```
   mv /mnt/var/cache /mnt/var/cache.old
   ```

5. Buat satu subvolume baharu:

   ```
   btrfs subvol create /mnt/var/cache
   ```

6. Sekiranya terdapat satu direktori `/var/cache.old`, pindahkannya ke lokasi yang baharu:

   ```
   mv /var/cache.old/* /mnt/var/cache
   ```

Jika sebaliknya, lakukan:

```
mv /var/cache/* /mnt/var/cache/
```

7. *(Optional)* Sebagai pilihan, padam `/mnt/var/cache.old`:

```
rm -rf /mnt/var/cache.old
```

8. Unmount subvolume daripada mount point sementara:

```
umount /mnt
```

9. Masukkan satu entri kepada `/etc/fstab` untuk subvolume `/var/cache` yang baharu. Gunakan subvolume sedia ada sebagai contoh untuk ditiru. Pastikan untuk membiarkan UUID tidak disentuh (ini ialah sistem fail root UUID) dan tukarkan nama subvolume dan tapak mount selaras dengan `/var/cache`.

10. Dirikan subvolume baharu seperti yang diperincikan dalam `/etc/fstab`:

```
mount /var/cache
```

2.2.3 GNOME Keyring tidak lagi bergabung dengan GPG lagi

Gabungan ejen GPG dalam GNOME Keyring telah digugurkan. Dengan itu, GNOME Keyring tidak boleh digunakan untuk menguruskan kunci GPG lagi . Anda boleh menguruskan kunci GPG dalam baris arahan menggunakan alat **`gpg`**.

2.2.4 Driver Synaptics X boleh mengurangkan keberkesanan Touchpad bawah GNOME

Dalam openSUSE Leap 42.1, driver Synaptics X (pakej `xf86-input-synaptics`) telah dipasang secara sedia tetapi mempunyai tumpuan yang kurang berbanding driver libinput (`xf86-input-libinput`).

Dengan openSUSE Leap 42.3:

- Driver Synaptics X tidak lagi dipasang secara sedia.
- Sekiranya driver Synaptics X dipasang, ianya akan digunakan untuk mana-mana pad sesentuh.
- Driver Synaptics X tidak lagi disokong oleh GNOME. Ini bermakna sekiranya driver telah dipasang, pad sesentuh Synaptics hanya boleh diatur sepertimana asas tetikus.

Melainkan anda menggunakan pad sesentuh Synaptics dan mempunyai banyak konfigurasi untuk driver Synaptics, buang pakej tersebut dari sistem anda:

```
sudo zypper rm xf86-input-synaptics
```

2.2.5 AArch64: Saiz helaian telah berubah dari openSUSE Leap 42.1 kepada openSUSE Leap 42.3

Dalam openSUSE Leap 42.1, saiz page tersedia untuk platform AArch64 adalah 64 kB. Dengan openSUSE Leap 42.3, saiz page telah ditukarkan ke 4 kB. Ini boleh mengakibatkan Swap dan Btrfs sistem fail lama gagal.

Sekiranya anda menggunakan openSUSE Leap 42.1 dengan AArch64, digalakkan pemasangan baharu openSUSE Leap 42.3 daripada cara naik taraf.

2.2.6 Sistem dengan CCISS Controllers Berkemungkinan Gagal Boot Selepas Naik Taraf

Driver untuk Compaq/HP Smart Array (CCISS) controllers (`cciss.ko`) tidak lagi menyokong sebahagian kawalan secara tersedia. Ini boleh membawa kepada disk root tidak boleh dibaca oleh kernel openSUSE Leap 42.3.

Dalam sistem yang terkesan, driver CCISS boleh diaturkan semula untuk mengembalikan kepada keadaan telah lepas dan untuk mengesan kawalan kembali. Untuk berbuat begitu, tambahkan kedalam kernel parameter `cciss.cciss_allow_hpsa=0`.

3 Umum

Bahagian ini menyenaraikan isu-isu umum dengan openSUSE Leap 42.3 yang tidak berkaitan dengan mana-mana kategori.

3.1 Deprecated Packages

The following packages are still shipped as part of the distribution but are deprecated. The packages exist to aid migration, but their use is discouraged and they may not receive updates. The packages will be removed in the next version of the distribution.

- `lxdm`: Unmaintained, use `lightdm` instead.
- `mysql-community-server`: May not receive maintenance and security fixes anymore. We advise migrating to `mariadb`.
- `ruby2.2-*`: For development only. Use Ruby 2.1 or 2.4 instead.
- `ruby2.3-*`: For development only. Use Ruby 2.1 or 2.4 instead.
- `uClibc`: Unmaintained.

To check whether installed packages are no longer maintained: Make sure that `lifecycle-data-openSUSE` is installed, then use the command:

```
zypper lifecycle
```

3.2 Perisian KDE untuk Personal Information Management (KDE PIM)

KDE PIM 4.x todak lagi disokong oleh KDE, tetapi masih tetap digunakan dalam openSUSE Leap 42.2 berserta dengan KDE PIM 5 untuk mengelakkan gangguan aliran kerja pengguna dan memudahkan perpindahan.

Dengan openSUSE Leap 42.3, kumpulan KDE PIM 4.x telah digugurkan dan hanya sokongan kumpulan KDE PIM 5 disertakan.

3.3 Tiada Kunci Skrin Semasa Menggunakan GNOME Shell Tetapi Tidak Dengan GDM

Apabila menggunakan GNOME Shell berserta dengan pengurus login selain dari GDM, seperti SDDM atau LightDM, skrin tidak akan dikosongkan atau dikunci. Ditambah lagi, penukaran pengguna tanpa log keluar akan gagal.

Untuk membolehkan skrin dikunci dari GNOME Shell, upayakan GDM sebagai pengurus login anda:

1. Pastikan pakej `gdm` telah dipasang.
2. Buka YaST dan dari situ, buka */etc/sysconfig Manager*.
3. Arahkan ke *Desktop* › *Display manager* › *DISPLAYMANAGER*.
4. Dalam kotak teks, pilih `gdm`. Untuk simpan, klik *OK*.
5. Reboot.

3.4 Sokongan Menu Global dalam KDE Plasma

Dengan KDE Plasma 5.9, KDE mengenalkan sokongan untuk menu global yang dikenali dari awalan KDE desktop.

Dalam openSUSE Leap 42.3, barisan applikasi menu plasmanoid juga boleh didapati.

Note: Applikasi Non-Qt Berlaku Ralat

Applikasi yang tidak menggunakan Qt toolkit berkemungkinan tidak menyokong global menu atau bersifat tidak betul.

3.5 Memainkan Fail MP3 Media

Bermula dengan openSUSE Leap 42.3, codecs untuk memainkan fail media MP3 sekarang tersedia berdasarkan repositori standard.

Untuk menggunakan dekoder dalam applikasi gstreamer-based and frameworks, seperti Rhythmbox atau Totem, pasang pakej `gstreamer-plugins-ugly`.

3.6 Tiada sokongan untuk Font Type-1 dalam LibreOffice

LibreOffice 5.3 tidak lagi menyokong legasi font Type-1 (file extensions `.afm` dan `.pfb`). Kebanyakkan pengguna tidak akan terjejas disebabkan itu, font terkini boleh didapati dalam format TrueType (`.ttf`) atau format OpenType (`.otf`).

Sekiranya anda terjejas, tukarkan font Type-1 kepada format lain yang disokong, seperti TrueType dan gunakan font yang telah diubah tersebut. Penukaran adalah boleh dengan applikasi FontForge (package `fontforge`) yang telah disediakan dalam openSUSE. Untuk maklumat lanjut pnukaran tersebut, lihat https://fontforge.github.io/en-US/documentation/scripting/.

4 Maklumat tambahan dan maklum balas

- Baca `README` dokumen.
- Paparan maklumat changelog yang lengkap tentang pakej tertentu dari RPM:

  ```
  rpm --changelog -qp FILENAME.rpm
  ```

  Ganti *`FILENAME`* dengan nama RPM berikut.
- Semak fail `ChangeLog` dalam medium untuk susunan log sebarang perubahan yang dibuat kepada pakej yang telah dikemas kini.
- Lihat maklumat lebih lanjut dalam direktori `docu` medium tersebut.
- Untuk tambahan atau dokumentasi tambahan, lihat https://doc.opensuse.org/.
- Untuk produk berita terkini, daripada openSUSE, lawati https://www.opensuse.org.

Hakcipta © 2019 SUSE LLC

Terima kasih kerana menggunakan openSUSE.

The openSUSE Team.